

# Nizoral<sup>®</sup> Shampoo 2%

Ketoconazole (20mg/g)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Nizoral Shampoo*
2. Bagaimana *Nizoral Shampoo* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Nizoral Shampoo*
4. Cara menggunakan *Nizoral Shampoo*
5. Semasa menggunakan *Nizoral Shampoo*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Nizoral Shampoo*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Nizoral Shampoo*

*Nizoral Shampoo* digunakan untuk merawat dan mencegah jangkitan kulit yang disebabkan oleh kulat atau yis. Kulit kepala dan kawasan badan boleh dirawat dengan *Nizoral Shampoo*.

## Bagaimana *Nizoral Shampoo* berfungsi

*Nizoral Shampoo* melegakan dengan cepat *scaling* dan *pruritis*, yang biasanya dikaitkan dengan *seborrheic dermatitis*, *pityriasis capitis* (kelumumur) dan *pityriasis versicolor*.

## Sebelum menggunakan

### *Nizoral Shampoo*

#### - Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda ada sebarang alahan (hipersensitif) terhadap formulasi produk ini. Simptom alahan termasuk gatal-gatal dan kulit merah selepas menggunakannya.

#### *Mengandung dan menyusukan anak*

Tiada risiko untuk penggunaan *Nizoral Shampoo* jika anda mengandung dan menyusukan anak.

#### - Sebelum menggunakan *Nizoral Shampoo*

Maklumkan kepada professional kesihatan (dokter atau ahli farmasi) anda sekiranya anda mempunyai alahan terhadap ubat-ubatan lain, makanan, bahan pengawet atau bahan pewarna.

#### - Jika mengambil ubat-ubat lain

*Corticosteroids* (ubat jenis *cortisone*) dalam bentuk krim, salap atau losyen.

Jika anda menggunakan *Corticosteroids* (ubat jenis *cortisone*) dalam bentuk krim, salap, losyen atau ubat lain, maklumkan kepada professional kesihatan sebelum memulakan penggunaan *Nizoral Shampoo*.

Anda boleh mula menggunakan *Nizoral Shampoo* serta- merta tetapi jangan berhenti menggunakan *corticosteroid* dari hari pertama ke hari kedua. Kulit mungkin akan menjadi merah dan gatal- gatal. Ianya dicadangkan bahawa terapi steroid perlu dihentikan secara bertahap dalam tempoh masa 2 – 3 minggu, apabila menggunakan *Nizoral Shampoo* untuk mencegah daripada sebarang simptom “*rebound*”.

Sekiranya tidak pasti, sila bincang dengan profesional kesihatan anda.

## Cara menggunakan *Nizoral Shampoo*

#### - Berapa banyak harus digunakan

Basuh bahagian kulit yang dijangkiti atau kulit kepala dengan *Nizoral Shampoo* dan biarkan produk tersebut pada kulit selama 3 hingga 5 minit sebelum dibilas. Pastikan anda cuci kulit atau kulit kepala dan bukan rambut sahaja.

Lazimnya, shampu sebanyak satu tapak tangan adalah mencukupi untuk satu cucian.

#### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

#### - Berapa lama perlu digunakan

Sisik pada kulit kepala (kelumumur) dan tompok perang kemerahan dengan sisik kuning atau putih pada muka atau dada (*seborrheic dermatitis*).

- Untuk rawatan, 2 kali seminggu untuk 2 hingga 4 minggu.
- Untuk pencegahan jangkitan, penggunaan seminggu sekali atau sekali setiap 2 minggu adalah disyorkan.

Tompok kecil yang tidak sekata, berwarna perang atau putih pada badan (*pityriasis versicolor*)

- Untuk rawatan, guna sekali sehari untuk 5 hari.
- Untuk pencegahan jangkitan, guna sekali sehari untuk 3 hari berturut- turut sebelum pendedahan kepada cahaya matahari.

#### - Jika terlupa menggunakan

Jika terlupa, guna sebaik sahaja teringat. Jangan mengulangi penggunaan *Nizoral Shampoo* 2 kali untuk menggantikan rawatan yang tertinggal.

#### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

*Nizoral Shampoo* adalah untuk penggunaan luaran dan tidak boleh ditelan. Jika tertelan *Nizoral Shampoo*, hubungi doktor anda, jabatan kecemasan atau pusat racun dengan segera.

# Nizoral<sup>®</sup> Shampoo 2%

*Ketoconazole (20mg/g)*

---

## **Semasa menggunakan**

### ***Nizoral Shampoo***

#### **- Perkara yang perlu dilakukan**

Gunakan *Nizoral Shampoo* seperti diarahkan oleh doktor atau ahli farmasi.

#### **- Perkara yang tidak boleh dilakukan**

Jangan menggunakan *Nizoral Shampoo* pada bayi atau kanak-kanak bawah umur 12 tahun.

#### **- Perkara yang perlu diberi perhatian**

Elakkan dari terkena mata. Jika berlaku, bilas mata dengan air sejuk dengan serta merta.

## **Kesan-kesan sampingan**

Seperti ubat-ubatan lain, *Nizoral Shampoo* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Reaksi pada tempat aplikasi termasuk nanah pada kulit atau folikel rambut (*pustules*), kulit mengelupas, keradangan folikel rambut, gatal-gatal, iritasi, kulit rasa terbakar, kemerahan, kering atau lembut, ruam, *acne*, rambut gugur atau warna atau tekstur rambut berubah dan iritasi mata atau mata berair mungkin jarang-jarang berlaku. Reaksi hypersensitiviti (alahan); kulit atau mucus membran pada muka, mata atau bibir menjadi bengkak secara tiba-tiba; ruam; gatal-gatal kulit (*eczema*) atau persepsi rasa tidak betul juga jarang-jarang berlaku. Jika syampu ini tidak sesuai untuk anda, berhentikan penggunaan syampu ini.

Laporkan kepada doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui laman web [npra.gov.my](http://npra.gov.my) [*Consumers*→*Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

## **Cara penyimpanan dan pelupusan Nizoral Shampoo**

### **Penyimpanan**

Botol ubat haruslah sentiasa ditutup rapat.

Jangan gunakan *Nizoral Shampoo* selepas tarikh luput, walaupun ubat disimpan dengan baik.

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Simpan pada suhu di bawah 25°C.

### **- Pelupusan**

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### **- Rupa dan warna produk**

Cecair berwarna merah jambu-jingga untuk penggunaan luaran sahaja, mengandungi agen *antifungal* sintetik berspektrum luas *ketoconazole* dalam kepekatan 2% dalam *aqueous suspension*.

### **- Bahan-bahan kandungan**

- Bahan aktif  
*Ketoconazole*

- Bahan tidak aktif  
*Sodium lauryl ether sulphate, disodium monolauryl ether*

*sulphosuccinate, coconut fatty acid diethanolamide, laurdimonium hydrolyzed animal collagen, macrogol 120 methyl glucose diolate, sodium chloride, hydrochloric acid, imidurea, perfume bouquet, sodium hydroxide, erythrosine sodium* dan air (*purified*).

### **- Nombor MAL**

MAL19900346ACRZ

## **Pengilang**

OLIC (Thailand) Limited 166 Bangpa-In Industrial Estate, Udomsorasayuth Road, Moo 16, Bangkrason, Bangpa-In, Ayutthaya, 13160, Thailand.

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Apex Pharmacy Marketing Sdn Bhd  
No. 2, Jalan SS13/5, 47500 Subang Jaya, Selangor, Malaysia.

## **Tarikh kemaskini RiMUP**

14 April 2023

## **Nombor Siri**

NPRA (R1/3) 26012023/024